

Pak Lah pilih dahulukan rakyat

KAMI berasa terpanggil untuk berbicara ruangan ini setelah melihat satu senario yang tidak dijangka sama sekali apabila kepimpinan negara dicabar dengan begitu hebat dan dilakukan secara terang-terangan.

Jika ia tidak ditangani secara berhemah, bukan saja menjadi malapetaka kepada kepimpinan negara, malah kepada kepimpinan ketuanan Melayu itu sendiri.

Semua orang sedia maklum tidak ada satu manusia mempunyai cara atau kaedah kepimpinan yang sama hatta walau dilahirkan kembar sekali pun.

Tidak kita nafikan kekaguman dan kebanggaan kita dengan corak pentadbiran yang dibentuk dan diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini.

Tetapi pada masa sama, ruang dan peluang harus diberikan kepada kepimpinan negara yang diterajui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk mentadbir dan menguruskan negara mengikut keperluan semasa.

Beliau tidak keseorangan dalam menjalankan tugas sebagai ketua negara, tetapi didukung jemaah menteri yang tidak kurang kualiti dan kredibilitinya.

Perdana Menteri tetap seorang tidak kira walau sebesar mana negara yang dipimpinnnya dan setinggi mana daya fikiran dan ilmunya. Beliau haruslah dihormati dan disokong sewajarnya.

Kepemimpinan adalah satu seni dan bagaimana sesuatu seni itu diapresiasi bukan bergantung kepada apa yang kita percaya, tetapi bagaimana ia dinilai dan diterima oleh masyarakat secara keseluruhannya.

Hitler, Churchill, Napoleon, Genghis Khan, Iskandar Zulkarnain se-

kadar beberapa nama adalah pemimpin dunia yang hebat pada zaman mereka. Apakah kita benar-benar yakin bahawa mereka akan sehebat begitu jika hidup di zaman ini sekarang?

Tun Dr Mahathir telah melalui zamannya dan beliau telah lakukan yang terbaik. Kini tanggungjawab dan amanah negara terletak di bahu Abdullah.

Perdana Menteri tidak memerlukan kecaman, serangan peribadi, cemuhan, ejekan atau diperlekehkan untuk membantu beliau mentadbir dan memimpin negara ini

Apa yang sangat beliau perlukan pada masa ini dengan pelbagai cabaran dalam dan luar negara ialah kerjasama, keyakinan, kesungguhan, keazaman dan sokongan daripada rakyat yang menjadi inspirasi kekuatan beliau.

Ini telah dibuktikan dengan penuh cemerlang oleh beliau pada pilihan raya lalu. Pak Lah sebenarnya memilih untuk mendahulukan hati rakyat lebih daripada memikirkan suara hatinya apatah lagi suara hati pemimpin lain yang berkepentingan.

Atas dasar itu dan keteguhan hati sebagai menyatakan sokongan kami yang tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Abdullah, kami ahli-ahli Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTISAS), Kesatuan Kakitangan Am (KKA) dan Persatuan Kakitangan Bukan Akademik (PERKABA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tetap berdiri teguh menyokong kepimpinan kerajaan negara yang diketuai Pak Lah.

KAMSAINI KAMARUDDIN,
*Majlis Bersama Persatuan-Persatuan
Staf Universiti Teknologi Malaysia,
Skudai.*